

# Isu harga minyak pengaruhi penyusutan

B.H. 27/9



**Pasaran** Asia jatuh pada permulaan minggu dagangan baharu ini, susulan keputusan mesyuarat Fed pada minggu lalu.

Selepas pemulihan menerusi keputusan bank pusat AS untuk mengekalkan kadar faedah yang sudah ditangguhkan sejak sekian lama, meneruskan penurunan trajektori di rantau ini, pada Isnin.

Penggantungan pelaksanaan perkhidmatan wang mudah juga meningkatkan yen Jepun, menjadikan Tokyo berakhir rendah 1.25 peratus serta menambah kepada kesuraman pasaran.

Yen yang kukuh lebih cenderung untuk menjadikan saham Jepun kurang diminati.

Kebimbangan ke atas minyak turut memberi kesan, menjelang mesyuarat Pertubuhan Negara Pengeksport Petroleum (OPEC) dan Russia, minggu ini.

"Harga minyak akan memberi pengaruh besar di mana pasaran ekuiti akan diniagakan awal minggu ini," kata Angus Nicholson, penganalisis IG Ltd, berpangkalan di Melbourne.

"Terdapat ketidakpastian sama ada anggota OPEC akan mencapai persetujuan dalam perjanjian," katanya kepada *Bloomberg News*.

Lebih bekalan sejak dua tahun dan kegagalan OPEC untuk mencapai persetujuan mengenai kesepakatan mengenai isu berkenaan memberi kesan kepada pemerhati yang menunggu sebarang perubahan mengenainya pada perjumpaan anggota di Algeria.

AFP